

KONSEP KENDIRI (Part 3)

Azizi Hj Yahaya

Empat pengaruh utama yang mengesani peribadi dan tingkah laku remaja

a) Pengaruh ibu bapa

Ibu bapa masih merupakan orang yang terpenting yang mengesani pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja selain daripada kawan-kawan, teman istimewa dan guru. Tugas ibu bapa lebih besar, kerana jika tersalah didikan akan menimbulkan masalah dalam masyarakat. Sebaliknya, jika rasa yang baik ditanamkan dalam diri anak-anak dengan memberi kasih sayang yang sempurna, keperibadian dan tingkah laku anak ketika remaja tentu tidak akan terjejas. Pembentukan peribadi remaja dipengaruhi oleh perkembangan mereka dan ia bermula pada usia 13 tahun. Ketika ini, mereka mula mencari kebebasan tetapi bukanlah kebebasan sepenuhnya. Dalam usaha remaja mencari identitinya, ibu bapa perlu membimbing mereka dengan cara membelai. Remaja perlu dibelai, dipupuk dengan kasih sayang dan dijaga dengan baik. Ini kerana, pada peringkat ini remaja masih belum matang dalam beberapa aspek tertentu seperti perkembangan mental, sosial, intelektual dan emosi.

b) Pengaruh kawan-kawan

Kawan-kawan juga memainkan peranan dalam pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja. Ini kerana remaja mahu mereka sentiasa diterima oleh kawan-kawan. Pengaruh kasih sayang di antara remaja dengan kawan-kawan cukup kuat. Oleh itu, untuk memastikan dia diterima dan disayangi kawan-kawan, seseorang remaja akan mengikut apa sahaja yang dilakukan oleh kawan-kawannya.

c) Pengaruh teman istimewa

Hubungan istimewa di antara remaja lelaki dan remaja perempuan merupakan pengaruh paling besar dalam pembentukan peribadi mereka. Contohnya, apabila seseorang remaja wanita mengenali seorang remaja lelaki walaupun telah berlanjutan selama tiga bulan, dia masih tidak jemu mengikuti teman barunya itu. Ini kerana remaja lelaki tersebut dapat memberikan perhatian

dan kasih sayang serta memahami jiwanya. Remaja mempunyai naluri yang kuat untuk disayangi. Apabila disayangi, remaja berasa dirinya diterima. Emosi boleh menguasai fikiran remaja. Bagi mereka, teman istimewa mengambil berat dan memberi perhatian yang sepenuhnya. Ketika itu, jika hubungan mereka dihalang ibu bapa, mereka akan menentang serta bertindak kasar kerana dianggap cuba menyekat kebebasan dan hubungan yang begitu dihargai.

d) Pengaruh guru dan kaunselor

Remaja yang bermasalah biasanya berasa malu dan tidak mahu memberitahu tentang masalahnya kepada ibu bapa atau anggota keluarga mereka. Mereka akan mencari orang yang dipercayai untuk menyatakan masalah seperti guru dan kaunselor. Jika guru atau kaunselor berjaya mendampingi remaja dan menghayati jiwa mereka, dengan mudah mereka berpendapat “orang ini dapat memahami kehendak saya”. Remaja tidak boleh didampingi dengan kekerasan, terlalu berdisiplin dan menyalahkan mereka apabila melakukan perbuatan yang salah. Guru dan kaunselor berupaya memandu remaja ke arah yang positif dan membawa mereka rapat dengan keluarga. Tetapi guru dan kaunselor tidak boleh terlibat secara jauh dalam masalah remaja bagi mengelakkan remaja terlalu bergantung kepada mereka. Jadi, tidak hairanlah mengapa remaja sering kali berubah peribadi dan tingkah lakunya. Kadangkala mereka begitu sopan, malu, lemah lembut tetapi dalam keadaan dan suasana yang lain, mereka lebih agresif, berani dan kasar. Kesemua tingkah laku ini bukan disengajakan, tetapi itulah kenyataan.

Setiap orang mempunyai kebaikan ataupun kekuatan sendiri. Tidak ada pengecualian. Walau bagaimanapun, manusia juga mempunyai keburukan dan kelemahan. Orang yang mempunyai konsep kendiri positif dapat menerima kelemahan diri dan akan cuba sedaya upaya bagi memperbaiki kelemahan diri. Remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif tidak berani menghadapi cabaran dan sentiasa cuba mengelakkan diri daripada cabaran ataupun tanggungjawab. Ini kerana, remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif takut menghadapi kegagalan. Remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif mempunyai emosi dan mental yang mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur luar kerana tiada keyakinan, tidak berpendirian dan tidak tabah. Remaja ini mudah dipengaruhi dan mudah terjerumus dengan aktiviti yang tidak baik. Emosi dan mental yang kurang stabil menyebabkan mereka tidak dapat berfikir dan bertindak dengan betul.

CONTINUE...